

**PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL TERHADAP REMAJA  
KETIKA BERHADAPAN PANDEMIK COVID-19 DI  
KOTA BELUD SABAH**

**MOHD SHAZRIE BIN SYAMRIE**

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN  
PENGIJAZAHAN SARJANA MUDA**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2022**

## **PENGAKUAN**

Saya mengaku bahawa Tesis Ijazah Sarjana ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya saya telah jelaskan sumbernya.

12 ogos 2022



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

---

Mohd Shazrie Bin Syamrie  
Ba19110264

## PENGESAHAN

NAMA : MOHD SHAZRIE SYAMRIE  
NO. MATRIK : BA19110264  
TAJUK : PENGGUNAAN MEDIA TERHADAP REMAJA KETIKA BERHADAPAN  
PANDEMIK COVID-19: KAJIAN KES DI KOTA BELUD  
IJAZAH : IJAZAH SARJANA MUDA  
BIDANG : KOMUNIKASI



DISAHKAN OLEH:

UMMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

TANDATANGAN

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'S. M. A.', written over a horizontal line.

## PENGHARGAAN

*" Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang"*

Alhamdulillah segala puji dan syukur ke hadrat Allah S.W.T dan selawat keatas junjungan baginda Nabi Muhammad SAW kerana limpah kurniahNya, tesis ini dapat disiapkan serta diselesaikan dengan sepenuhnya kerana tanpa dengan izinNya tesis ini tidak akan berjaya dihasilkan dengan jayanya. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada Dr.Aisah Meri selaku penyelia akademik kerana telah membimbing, menasihati serta memberi tunjuk ajar sepanjang tempoh penyelidikan ini disiapkan. Tidak ketinggalan juga kepada semua pensyarah Komunikasi yang sudi memberi tunjuk ajar sepanjang tempoh pengajian Ijazah Sarjana Muda ini berlangsung.

Rasa syukur yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa saya yang selalu memberi dorongan dan kata-kata semangat serta mendoakan kejayaan saya sepanjang tempoh pengajian saya daripada peringkat rendah hingga sekarang. Tidak lupa juga kepada adik beradik dan juga saudara mara saya yang sering memberi sokongan dan memberi kata-kata semangat sepanjang menyiapkan tesis ini.

Sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan karib dan rakan-rakan seperjuangan saya dalam program Komunikasi serta insan-insan istimewa kerana banyak memberi dorongan dan tunjuk ajar, perkongsian ilmu pengetahuan serta memberi kata-kata semangat sepanjang tempoh menghasilkan tesis ini.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan serta ribuan terimah kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam proses penghasilan tesis ini. Tanpa dorongan serta doa daripada semua pihak, tesis ini tidak mampu diselesaikan dengan jayanya.Hanya Allah S.W.T sahaja yang mampu membalas kebaikan yang kalian berikan.

## **ABSTRAK**

Penggunaan media sosial terhadap remaja Ketika berhadapan Pandemik Covid-19 merupakan suatu penyelidikan yang menarik untuk dikaji memandangkan Pandemik Covid-19 menyebabkan dunia bergantung kepada kepesatan teknologi maklumat untuk berinteraksi antara satu sama lain. Penyelidikan ini mempersembahkan pola kegunaan dan kepuasan media sosial berdasarkan kaedah kuantitatif iaitu melalui survey kepada 200 orang remaja di Kota Belud Sabah yang berpandukan kepada teori kegunaan dan kepuasan. Penyelidikan ini mempunyai tiga pemboleh ubah yang digunakan iaitu kegunaan media sosial, keperluan media sosial dan kepuasan remaja menggunakan media sosial. Penyelidikan ini juga akan memperlihatkan pola penggunaan media sosial yang sangat berkembang dengan pesat kerana pandemik Covid-19 menyebabkan pergerakan remaja seterusnya bergantung kepada media sosial untuk keperluan afektif, kognitif, pelepasan diri dan penyepaduan sosial.

Kata Kunci: keperluan, kegunaan, kepuasan, remaja, media sosial.



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **ABSTRACT**

The use of social media by teenagers when dealing with the Covid-19 Pandemic is interesting research to study considering the Covid-19 Pandemic causes the world to depend on the speed of information technology to interact with each other. This research presents the pattern of use and satisfaction of social media based on a quantitative method which is through a survey of 200 teenagers in Kota Belud Sabah which is guided by the theory of use and satisfaction. This research has three variables used which are the use of social media, the need for social media and the satisfaction of teenagers using social media. This research will also show the pattern of social media usage that is growing rapidly because the Covid-19 pandemic causes the next movement of teenagers to depend on social media for affective, cognitive, self-release and social integration needs.

Keywords: needs, uses, satisfaction, teenagers, social media.



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**ISI KANDUNGAN****HALAMAN**

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii-xvi
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar belakang	2
1.2 Penyataan masalah	4-5
1.3 Skop Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Justifikasi kajian	6
1.7Signifikan kajian	7
1.7 kelebihan kajian	7
1.8 kesimpulan	7

**BAB 2: SOROTAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan	8
2.2 Sejarah perkembangan teori	8-10
2.3 Tinjauan Kajian Lepas	10-11
2.4 Definisi operasi	12
2.5 Model kajian	13
2.6 Pengkonsepan	14-15
2.7 Kesimpulan	16

### **BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	17-18
3.2 Populasi dan Sampel	19-20
3.3 Reka bentuk Kajian	20
3.4 Instrumen kajian	20-21
3.5 Kebolehpercayaan dan Kesahihan	21-22
3.6 Prosedur pengumpulan data	23
3.7 Teknik penganalisis data	23
3.8 Pengoperasian	24
3.9 Kesimpulan	25

### **BAB 4: HASIL KAJIAN**

4.1 Pengenalan	26
4.2 Analisis Deskriptif	26-37
4.3 Analisis Keperluan, Kegunaan Dan Kepuasan media sosial	38-45
4.4 Kesimpulan	46



## **BAB 5: HASIL PERBINCANGAN**

5.1 Pengenalan	47
5.2 Perbincangan Penemuan	47-50
5.3 Perbincangan Kerangka	50-51
5.4 Batasan Kajian	51
5.5 Cadangan Kajian	51
5.6 Kesimpulan	52
RUJUKAN	53-5

### SENARAI JADUAL

1. Jadual 3.2 statistik populasi penduduk Kota Belud mengikut usia.
2. Jadual 3.3 kandungan soal selidik dan Bilangan item sebelum ujian rintis dijalankan
3. Jadual 3.4 menunjukkan statistic nilai kebolehpercayaan
4. Jadual 3.8 pengoperasian
5. Jadual 1: 4.2.1 Jantina Responden
6. Jadual 2: 4.2.1 Umur responden
7. Jadual 3:4.2.1 Pendidikan Reponden
8. Jadual 4:4.2.1 Jenis pekerjaan
9. Jadual 5: 4.2.2 Purata penggunaan media sosial dalam seminggu
10. Jadual 6: 4.2.2 Jumlah purata masa penggunaan media sosial dalam sehari
11. Jadual 7: 4.2.2 Jumlah kekerapan Penggunaan media Sosial (Facebook)
12. Jadual 8: 4.2.2 Jumlah kekerapan Penggunaan media Sosial (Tiktok)
13. Jadual 9: 4.2.2 Jumlah kekerapan Penggunaan media Sosial (Instagram)

14. Jadual 10: 4.2.2 Jumlah kekerapan Penggunaan media Sosial (Twitter)
15. Jadual 11: 4.2.2 Jumlah kekerapan Penggunaan media Sosial (Youtube)
16. Jadual 12: 4.2.3 Keperluan Utama Penggunaan Media Sosial
17. Jadual 13: 4.2.3 Keperluan Kognitif
18. Jadual 14: 4.2.3 Pelepasan diri
19. Jadual 15: 4.2.3 Penyepaduan sosial
20. Jadual 16: 4.2.4 faktor kegunaan penggunaan media sosial
21. Jadual 17: 4.2.4 Pencarian maklumat
22. Jadual 18: 4.2.4 Mengisi masa lapang
23. Jadual 19: 4.2.4 Hiburan
24. Jadual 21: 4.2.5 Kepuasan utama media sosial
25. Jadual 22: 4.2.4 Interaktiviti
26. Jadual 23: 4.2.5 Pengawasan
27. Jadual 24: 4.2.5 Mudah dan Menarik

## **SENARAI RAJAH**

1. Rajah 2.5.1: Model kajian teori kegunaan dan kepuasan yang telah diubah suai.
2. Rajah 3.1: carta alir proses kajian



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI SINGKATAN**

Perintah kawalan pergerakan (PKP)

Uses and Gratification (U&G)

Universiti Malaysia Sabah (UMS)

World health Organization (WHO)



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI LAMPIRAN

-Google form

### PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DALAM KALANGAN REMAJA KETIKA BERHADAPAN PANDEMIK COVID- 19: KAJIAN KES DI KOTA BELUD SABAH.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Saya Mohd Shazrie Bin Syamrie, pelajar tahun 3 bagi program Komunikasi ingin meminta jasa baik anda untuk mengisi tinjauan melalui borang soal selidik ini. Tinjauan ini adalah berkenaan dengan penggunaan media sosial dalam kalangan remaja ketika berhadapan pandemik Covid-19; Kajian Kes di Kota Belud Sabah. Tinjauan ini hanya memerlukan masa anda selama 2 hingga 3 minit sahaja.

Tujuan tinjauan ini adalah bagi memenuhi tugas akhir tahun saya iaitu Latihan Ilmiah (Thesis) yang sedang dijalankan. Segala maklumat daripada anda akan dirahsiakan dan hanya digunakan untuk tujuan penyelidikan sahaja. Kajian ini memerlukan seramai responden untuk menjawab borang soal selidik ini.

Saya amat menghargai kerjasama daripada anda. Terima kasih kerana sudi meluangkan masa menjawab borang soal selidik ini.

#### PART A: MAKLUMAT RESPONDEN

##### UMUR \*

- 12-15 tahun  
 16-18 tahun  
 19-21 tahun  
 22-25 tahun

##### JANTINA \*

- Lelaki  
 Perempuan

##### Tahap pendidikan \*

- sekolah rendah  
 sekolah menengah  
 IPTA/IPTS

##### Status Pekerjaan \*

- Sektor Awam  
 Sektor Swasta  
 Kerja Sendiri  
 Pelajar

**Keperluan Afektif Media Sosial \***

	Jerhana setuju	Setuju	Sangat setuju
Perlu untuk sumber keseronokan	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
Perlu untuk sumber Hiburan	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
Perlu untuk mendapatkan perhatian	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
Perlu untuk kehidupan lebih bermakna	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
Perlu untuk merasakan sesuatu pencapaian	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>

 This question requires one response per row.

**Penyepaduan sosial Media Sosial \***

	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Sederhana setuju
Berbincang dengan rakan di media sosial	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
Perlu berinteraksi secara sosial dengan rakan-rakan	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
Mencari kecalan baharu	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
Mengkekalkan hubungan dengan rakan di media sosial	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
Berkongsi sesuatu masalah kepada rakan di media sosial	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>

**Pelepasan diri dalam Media Sosial \***

	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Sederhana setuju
Untuk melepaskan tekanan terhadap kerja	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
Mengisi waktu lapang	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
Tiada orang untuk bercakap	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
Saya berasa tidak keseorangan	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
Menghilangkan kerisauan saya	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>

Hiburan \*

	Tidak pernah	Sekali sekala	Jarang
Menghilangkan tekanan dengan membaca ruangan hiburan	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
Untuk membaca profil rakan di media sosial	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
Untuk membaca bahan hiburan kartunis	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
Bermain permainan yang berbentuk uji minda	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>

Sejauhmanakah anda bersetuju penggunaan media sosial anda dipengaruhi oleh faktor-faktor berikut.  
SKALA LIKERT :

- 1- SANGAT TIDAK SETUJU
- 2- TIDAK SETUJU
- 3- SEDERHANA SETUJU
- 4- SETUJU
- 5- SANGAT SETUJU

Interaktiviti \*

	Sangat tidak setuju	Tidak Setuju	Sederhana setuju
Gambar yang jelas dan berwarna warni	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
Butang 'search' memudahkan pencarian yang dikehendaki	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
Video dan Audio yang sangat berkualiti dan menarik	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
Susunan kandungan berita yang menarik dan moden	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>

 This question requires one response per row

Pengawasan \*

	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Sederhana setuju
Kandungan media sosial yang ditapis oleh SKMM	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
Dapat memantau kandungan media sosial yang disiarkan	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
Maklumat privasi pengguna terjaga	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
Pengguna tidak perlu secara bersemuka untuk mendapatkan maklumat yang diinginkan	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>

## Mudah dan Menarik \*

Sangat  
tidak  
setuju

Tidak  
setuju

Sederhana  
setuju

S

Mudah  
diakses  
pada  
bila-bila  
masa

Bersifat  
Eco-  
Friendly

Jimat  
kos

Pilihan  
yang  
pelbagai



## **BAB 1**

### **1.0 PENGENALAN**

Wabak Coronavirus 2019 yang dikenali sebagai Covid-19 adalah merupakan penyakit yang baru disebabkan oleh sejenis virus iaitu Severe Acute Respiratory Syndrome Coronavirus 2 (SARS-CoV2). Virus ini menjangkiti saluran pernafasan (Xuetao Cao, 2020). Wabak Covid-19 telah muncul pada bulan Disember tahun 2019 dan berasal dari Wuhan, China yang mana pada awal kemunculannya, wabak Covid-19 dikenali dunia sebagai Influenza Like Illness (ILI) yang lain. Namun begitu, wabak ini telah memberikan kesan yang sangat besar kepada dunia dimana virus SARS-CoV-2 ini menyebabkan wabak Covid-19 telah tersebar dengan begitu cepat dan meluas keseluruh dunia bermula pada bulan Februari 2020 lagi dan ianya tidak dapat dikawal malah mampu membunuh ramai manusia dalam waktu yang singkat. Oleh yang demikian, kesan daripada situasi tersebut telah menyebabkan Pertubuhan kesihatan Dunia (WHO) secara rasmi mengistiharkan situasi ini sebagai Pandemik (Jafri Malim Abdullah et al. 2020).

Kesan daripada penularan Covid-19 ini ialah kebanyakan negara telah mengistiharkan perintah berkurung bagi memutuskan rantai penyakit Covid-19. Malaysia merupakan salah satu negara yang turut mengambil inisiatif bagi mengatasi penularan wabak ini dimana kerajaan Malaysia telah mengistiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara bermula pada 18 Mac 2020 melalui lapan fasa (Sharifah Rohayah Sheik Dawood & Som, 2020). Oleh yang demikian, kesan daripada perintah kawalan pergerakan (PKP) terhadap sistem teknologi maklumat telah menjadikan sistem teknologi maklumat khususnya media sosial menjadi platform yang membantu dan memudahkan pengguna dalam setiap perkhidmatan. Media sosial semakin pesat digunakan oleh masyarakat khususnya remaja apabila perintah kawalan pergerakan dikuatkuasakan.

Apabila perintah kawalan pergerakan dikuatkuasakan, internet atau media sosial dilihat sebagai alat komunikasi yang mempercepatkan dan memudahkan pertukaran maklumat secara meluas.

Masyarakat telah hidup dalam perubahan yang berterusan sejak bermulanya pandemic Covid-19 pada awal tahun 2020. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, perkembangan dalam bidang komunikasi, teknologi, maklumat dan pemasaran telah membawa perubahan yang baharu dalam cara pengguna media sosial memberi produk dan beberapa perkhidmatan.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia terhadap isu penggunaan internet 2017, media sosial yang paling popular dalam kalangan masyarakat Malaysia adalah Facebook diikuti Instagram, YouTube, Google dan Twitter. Pada tahun 2016, sebanyak 21.9 juta pengguna telah didaftarkan dan 97.3% daripada jumlah tersebut merupakan pengguna media sosial Facebook (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2017).

Apabila internet dan teknologi telefon bimbit menjadi semakin maju maka media sosial juga turut berkembang dengan pesatnya. Hal ini sepertimana yang telah dilaporkan oleh SKMM apabila seramai 89.4% pengguna menyatakan mereka menggunakan telefon mudah alih untuk mengakses internet.

Kini, untuk mengakses aplikasi-aplikasi media sosial ia boleh dilakukan di mana sahaja dan pada bila-bila masa hanya dengan menggunakan telefon bimbit (Luik, 2010). Kemampuan untuk mengakses media sosial melalui aplikasi mudah alih (mobile web) merupakan salah satu faktor pendorong remaja terlibat dengan tingkah laku devian. Hal ini kerana kecanggihan teknologi sekarang amat menarik dan menepati kehendak remaja zaman sekarang khususnya aplikasi-aplikasi yang memudahkan mereka. Perkembangan media sosial yang semakin pesat dengan ragam aplikasi seperti mengirim mesej, muat naik ataupun muat turun gambar, permainan, chat, muzik, tayangan video menyebabkan pengguna sentiasa menghabiskan masa di hadapan skrin gadget miliknya tidak kira tempat dan masa.

## **1.1 LATAR BELAKANG**

Secara umumnya, hampir semua pengguna terutamanya remaja di Malaysia memiliki sekurang-kurangnya satu akaun media sosial. Berdasarkan statistik yang dilaporkan oleh laman Statistika, penggunaan harian media sosial secara global telah mencecah 106.2 minit sehari pada tahun 2015 berbanding 103.2 minit sehari pada 2014. Malaysia pula menduduki tempat keenam mengikut negara dengan purata penggunaan 3.5 jam sehari (Utusan Online, 15 Disember 2015). Ini membuktikan penggunaan media sosial di Malaysia amat tinggi. Fenomena ini amat

membimbangkan semua pihak kerana pengguna media sosial tegar boleh menghabiskan masa melebihi 12 jam sehari dengan melayari media sosial.

Pengguna media sosial gemar menggunakan internet khususnya media sosial disebabkan oleh kemudahan yang disediakan oleh laman sosial tersebut. Melalui media sosial, remaja dapat berhubung terus secara atas talian, menyertai, berkongsi dan mencipta sesuatu maklumat yang dapat disampaikan melalui blog, rangkaian sosial, forum, dan dunia virtual dengan mudah (Ahlqvist.,2010; Kaplan & Haenlein, 2010).

Menurut kajian yang dilakukan oleh Adham Shadan (2010), remaja cenderung untuk melayari media sosial kerana mempunyai perasaan "sense of belonging" yang kuat. Rozinah Jamaludin (2007), menyatakan remaja khususnya pelajar sekolah merupakan mereka yang cenderung ketagihan dengan penggunaan media sosial yang disebabkan oleh ketiadaan disiplin dalam diri pelajar, pengurusan masa yang tidak teratur dan tiada kawalan daripada keluarga atau orang yang lebih dewasa.

Setakat suku keempat 2016, laporan Suruhanjaya Komunikasi Malaysia (SKMM) mendedahkan sejumlah 21.1 juta rakyat Malaysia menggunakan internet. Antara sebab utama mereka menggunakan saluran internet dalam kehidupan seharian adalah bertujuan untuk permainan video, berhubung dengan rakan-rakan serta pencarian maklumat. Normah Mustaffa et.al; (2013) dalam kajiannya berjaya menunjukkan sebahagian besar remaja menggunakan media sosial seperti Facebook bertujuan untuk bersosial seperti hiburan dan mendapatkan maklumat.

Penggunaan internet di negara ini meningkat dengan ketara tahun lalu, asbab daripada impak pandemik Covid-19, menurut laporan dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Laporan Bancian Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah 2020 mendapati, penggunaan internet dalam kalangan rakyat berusia 15 tahun ke atas meningkat kepada 89.6% tahun lalu berbanding 84.2% pada 2019, peningkatan ini adalah sebanyak 5.4%.

Statistik yang dilaporkan oleh laman sesawang Rasmi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2020), mendapati sebanyak 88.7% pengguna internet pada tahun 2020 dan peratusan ini meningkat daripada 87.4% kepada 1.3% lagi dalam tahun 2018. Dari segi peratusan umur yang tertinggi dalam melayari internet adalah individu berumur 20-24 tahun berbanding lain-lain umur. Ini selari dengan kajian Douglas et al. (2011) menunjukkan kebanyakan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) berisiko untuk berhadapan dengan ketagihan internet. Justeru, peratusan

tertinggi mengikut tempat dalam melayari internet adalah di rumah iaitu sebanyak 70.5% berbanding di pejabat, pusat institusi dan lain-lain tempat

Lantaran itu juga, ketagihan pengguna menggunakan media sosial turut disebabkan oleh kemudahan seperti keupayaan muat turun gambar, permainan, audio, video dan bukan sahaja sekadar untuk berkongsi maklumat (Kietzmann & Hermkens, 2011), menulis pada dinding (Wall) sendiri dan rakan, mengemaskini profil, menghantar mesej (messages) dan aktiviti bersebang (chatting) (Mohd Effendi, 2010)

Sehubungan dengan itu, pengguna media sosial merupakan cerminan dan gambaran kepada imej negara. Oleh itu pentingnya kajian ini untuk melihat sejauh manakah pengguna media sosial bijak mengaplikasikan kemudahan teknologi pada masa kini.

## **1.2 PERNYATAAN MASALAH KAJIAN**

Semasa perintah kawalan pergerakan dilaksanakan, bilangan penduduk dunia yang mengakses kandungan secara dalam maya khususnya media sosial telah meningkat. Antara kandungan media yang diakses adalah untuk menghiburkan diri dan mendapatkan maklumat terkini berkaitan dengan Covid-19. Menurut satu analisis oleh data reportal, dianggarkan 4.57 bilion pengguna dunia menggunakan internet pada masa kini. Jumlah ini adalah peningkatan melebihi tujuh peratus bilangan pengguna berbanding dengan jumlah pada bulan yang sama tahun 2019. Penggunaan media sosial telah meningkat dengan mendadak dengan peningkatan melebihi lapan peratus sejak April 2019 kepada 3.81bilion pada April 2020 (Athiral Nortajuddin, 2020).

Perintah kawalan pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan di seluruh negara yang bermula pada pertengahan Mac yang lalu bagi mengekang penularan Covid-19 turut meningkatkan penggunaan internet dan komunikasi di media sosial khususnya kepada remaja. Mereka berlumba-lumba untuk berkongsi maklumat dan memberikan pendapat tanpa mengambilkira kesahihan informasi tersebut.

Semasa wabak Covid-19, media sosial amat diperlukan oleh semua pihak untuk berkomunikasi antar satu sama lain. Sebagai contoh, banyak syarikat mencari pelbagai cara untuk berkomunikasi dengan pelanggan mereka. Organisasi boleh menggunakan *telemarketing* melalui email melalui email, media sosial atau fungsi pihak ketiga untuk berkomunikasi. Jelas sekali, teknologi Maklumat khususnya media sosial sering amat diperlukan dalam keadaan Pandemik Covid-19 yang melanda dunia.

Penggunaan media sosial dalam kalangan remaja pada hari ini merupakan sesuatu fenomena yang tidak asing lagi. Media sosial merupakan sebuah kumpulan aplikasi berasaskan internet yang dibangunkan melalui teknologi web 2.0 yang boleh digunakan terus secara talian (Johari Hassan & Raja Shahrina Raja Abdul Rashid, 2012).

Media dan teknologi memainkan peranan penting dalam penyebaran maklumat dan mendidik masyarakat. Media sosial memberi banyak kesan positif dan negatif hasil daripada penggunaan yang berterusan. Media dianggap sebagai satu mekanisme perhubungan yang kuat kerana ia boleh memberi impak yang sangat besar dalam aspek kehidupan seseorang. Hampir setiap hari mahasiswa akan menghabiskan masa mereka dengan mengakses jaringan media sosial. Johardy (2010), mendapati remaja menghabiskan masa mereka lebih dari 30 minit setiap hari untuk melayari media sosial.

Kaplan, A. M., & Haenlein, M. (2010) dan Alsanie, S. I. (2015), sebab utama aplikasi media sosial ini berjaya menarik minat pelbagai golongan adalah kerana mudah digunakan untuk berkomunikasi dalam pelbagai dimensi sama ada dalam bentuk suara, mesej secara emel, mesej bergambar, mahupun berkongsi pautan maklumat dengan satu klik sahaja. Kebanjiran aplikasi-aplikasi media sosial sekarang seperti Facebook, Wechat, Twitter, Instagram, Telegram dan sebagainya banyak dikaitkan dengan masalah salah laku dalam kalangan remaja. Kebanjiran media-media sosial memberi ruang kepada remaja untuk mengakses dan meluaskan pengetahuan mereka. Hal ini kerana media sosial merupakan satu media perhubungan yang terkenal pada masa kini (Zamris, 2009).

Masalah sosial dalam kalangan pelajar memberi kesan ke atas diri remaja itu sendiri dan juga turut mempengaruhi orang lain. Kepesatan teknologi yang semakin canggih dikaitkan dengan salah satu penyebab kepada penularan masalah sosial dalam kalangan remaja. Hal ini kerana, remaja lebih banyak menghabiskan masa bersama dengan gadget-gadget yang mereka miliki. Namun, apa yang membimbangkan pada hari ini, tingkah laku negatif dalam kalangan remaja semakin berleluasa. Saban hari, isu yang berkaitan dengan salah laku remaja dilaporkan di media-media massa. Perkara ini jelas membuktikan semakin pesat kemajuan teknologi, semakin banyak remaja yang terlibat dengan salah laku. Sekiranya hal ini, tidak dicegah dengan segera dan sebaik yang mungkin ia boleh memberi kesan negatif di masa akan datang.

Oleh itu, pengkaji merasakan kewajaran untuk mengetahui hubungan penggunaan media sosial dan kesannya terhadap tingkah laku remaja sejajar kemajuan teknologi yang ada pada masa kini.

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melihat sejauhmanakah penggunaan media sosial telah menyumbang kepada perubahan tingkah laku dalam kalangan remaja di Kota Belud Sabah.

### **1.3 SKOP KAJIAN**

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kajian tinjauan boring soal selidik ke atas 100 orang remaja berbangsa Bajau, Dusun dan Iranun yang berumur diantara 13 hingga 25 tahun di Kawasan Kota Belud. Pemilihan etnik Bajau, Dusun dan Iranun sebagai sample utama dalam kajian ini dilakukan kerana ketiga-tiga etnik ini adalah merupakan etnik dominan di daerah Kota Belud. Sementara itu, unit pengelasan remaja difokuskan kepada kumpulan yang berada dalam lingkungan umur 13 hingga 25 tahun. Pengelasan ini adalah berasaskan kepada kajian yang dilakukan oleh Samsudin dan Latifah (1999).

### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Dalam menjalankan kajian ini, terdapat beberapa objektif yang akan dicapai. Antaranya, ialah:

- 1) Mengenalpasti keperluan yang mendorong penggunaan media sosial dalam kalangan remaja di Kota Belud ketika berhadapan dengan pandemik Covid-19.
- 2) Meneliti faktor penggunaan media sosial dalam kalangan remaja di Kota Belud ketika berhadapan dengan pandemik Covid-19.
- 3) Menganalisis kepuasan penggunaan media sosial dalam kalangan remaja di Kota Belud ketika berhadapan dengan pandemik Covid-19.

### **1.5 JUSTIFIKASI KAJIAN**

Kajian ini juga direka untuk memberi panduan kepada semua pihak bagi mengenal pasti kesan penggunaan media sosial dan memberi maklumat kepada mereka bagi mencari alternatif untuk mencegah fenomena tersebut. Hasil kajian ini akan dapat memberi gambaran yang lebih jelas dan tepat mengenai fenomena yang berlaku di negara ini. Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti hubungan penggunaan media sosial dan kesannya terhadap perubahan tingkah laku remaja khususnya di Kota Belud, Sabah.

## **1.6 SIGNIFIKASI KAJIAN**

Kajian ini adalah penting kepada pelajar, ibu bapa, guru-guru, pihak sekolah dan juga masyarakat bagi mengenal pasti hubungan penggunaan media sosial dan kesan terhadap perubahan tingkah laku remaja semasa pandemic covid-19 seterusnya mencari inisiatif dalam membendung permasalahan tersebut.

## **1.7 KELEBIHAN KAJIAN**

Kelebihan kajian ini dijalankan adalah masalah-masalah yang dikenalpasti dapat kita atasi dengan menyediakan langkah-langkah yang sewajarnya. Seterusnya, melalui kajian ini kita dapat mengenalpasti jenis-jenis media sosial yang sering digunakan oleh remaja Ketika pandemik berlaku sehingga memberi kesan terhadap tingkah laku mereka. Tambahan itu, melalui kajian ini juga ibu bapa dapat mengawasi anak-anak mereka daripada ketagihan melayari media sosial sekiranya pandemik berlaku lagi pada masa hadapan.

## **1.8 KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, kajian ini menumpukan kepada penyelidikan terhadap kesan penggunaan media sosial terhadap tingkah laku remaja di Kota Belud, Sabah dengan mengkhususkan kepada remaja. Melalui kajian ini diharapkan dapat menjawab segala persoalan-persoalan yang telah dikenalpasti melalui metodologi dapat terjawab. Oleh itu, akhir kajian ini, penyelidik dapat memberikan akses maklumat dan data bagi keperluan masa hadapan untuk mendepani cabaran kecanggihan teknologi maklumat yang semakin pesat.

## **BAB 2**

### **SOROTAN LITERATUR**

#### **2.1 PENGENALAN**

Dalam bab ini, penyelidik akan membuat sorotan kajian penulisan yang mempunyai hubungkait dengan kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh penyelidik berkaitan dengan tajuk yang dikaji satu persatu berdasarkan objektif yang dibincangkan. Perkara yang dibincangkan dalam kajian ini turut disokong oleh pandangan dan teori-teori daripada tokoh-tokoh yang arif dalam bidang-bidang berkenaan dan model yang sesuai yang digunakan dalam membantu dan menyokong kajian seterusnya menjadi panduan untuk membina kerangka kajian. Perkara-perkara yang dibincangkan oleh penyelidik dalam bab ini seperti berikut;

#### **2.2 SEJARAH PERKEMBANGAN TEORI**

Teori yang digunakan untuk membantu pemahaman yang lebih jitu berkaitan penggunaan media sosial terhadap remaja Ketika berhadapan pandemic ialah teori *Usage and gratification (U&G)*. Teori ini diperkenalkan oleh Katz, Blumber, & Gurevitch (1973). Pendekatan ini beranggapan bahawa penggunaan media sosial mempunyai kebebasan untuk memilih media sosial yang mereka mahukan berdasarkan keperluan dan keinginan yang mereka inginkan.

Teori ini bergantung kepada dua prinsip iaitu pengguna media adalah aktif dalam memilih media yang mereka gunakan dan mereka mengetahui sebab mereka memilih media yang berbeza. Terdapat beberapa faktor yang menggalakkan remaja untuk menggunakan media sosial Ketika berhadapan pandemik. Ini termasuklah tingkah laku remaja, persahabatan, relaksasi, meluangkan masa, hiburan, mendapatkan maklumat dan pembelajaran.